



Sesungguhnya kamu akan menemui sekelompok kaum Ahli Kitab, maka apabila kamu mendatangi mereka, serulah mereka untuk bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah, dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah

Dari Ibnu 'Abbas RA, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda kepada Mu'az bin Jabal ketika mengutusnyanya ke Yaman: "Sesungguhnya kamu akan menemui sekelompok kaum Ahli Kitab, maka apabila kamu mendatangi mereka, serulah mereka untuk bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah, dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, jika mereka mentaatimu dalam hal itu, maka beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan atas mereka lima solat pada setiap hari dan malam, jika mereka mentaatinya, maka beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan atas mereka zakat; diambil daripada orang-orang kaya mereka dan dikembalikan kepada orang-orang fakir mereka, jika mereka mentaatinya, maka janganlah engkau mengambil harta-harta pilihan mereka, dan takutilah doa orang yang dizalimi, kerana sesungguhnya tiada penghalang antaranya dengan Allah»."

[صحيح] [متفق عليه]

Apabila Nabi ﷺ mengutus Mu'az bin Jabal RA ke negeri Yaman sebagai pendakwah kepada Allah dan guru, baginda menerangkan kepadanya bahawa dia akan berhadapan dengan kaum daripada kalangan Nasrani; agar dia bersiap sedia untuk mereka, kemudian hendaklah dia memulakan dakwahnya kepada mereka dengan mendahulukan yang terpenting kemudian yang penting, Maka dia menyeru mereka untuk memperbaiki akidah terlebih dahulu; dengan bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah, dan Muhammad adalah Rasul Allah; Kerana dengannya mereka memeluk Islam, maka apabila mereka tunduk mematuhi, mereka diperintahkan untuk menunaikan solat; kerana ia ialah kewajipan yang teragung selepas Tauhid, Maka apabila mereka telah mendirikan, Baginda memerintahkan orang kaya mereka untuk membayar zakat harta mereka kepada orang miskin mereka, kemudian memberinya amaran agar tidak mengambil harta yang terbaik; kerana yang wajib adalah yang pertengahan. Kemudian Baginda mewasiatkannya untuk menjauhi kezaliman, agar orang yang dizalimi tidak berdoa menentanginya, kerana sesungguhnya doanya diperkenankan.

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY

